

PEMERKASAAN WAKAF DI MALAYSIA: SATU SOROTAN

Mohamad Zaim Isamail¹, Muhammad Ikhlas Rosele², Mohd Anuar Ramli³

¹*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

² *Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

³ *Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

ABSTRAK

Wakaf merupakan antara salah satu daripada institusi Islam yang wujud sejak dari zaman Rasullullah SAW lagi yang berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan umat Islam. Institusi ini juga merupakan tunjang kepada kejayaan jaminan sosial Islam, selain zakat, sedekah dan lain-lain. Oleh itu, adalah menjadi keperluan mendesak kita pada hari ini untuk mengetahui sejauh mana perjalanan institusi wakaf di Malaysia sama ada ia berjalan seiring dengan perkembangan semasa atau tidak. Peranan wakaf bukan hanya sekadar untuk tujuan ibadah pada Allah SWT, akan tetapi ia turut meliputi dalam memberi impak kebaikan kepada orang Melayu khususnya dan umat Islam amnya. Namun, sehingga kini, ia tidak berfungsi sebagaimana diharapkan oleh kerana terdapat kekangan dan halangan tertentu selain taraf kesedaran masyarakat yang masih cetek. Wakaf ternyata merupakan salah satu sumber ekonomi dan pembangunan umat Islam. Ia mampu memberi pulangan yang lumayan jika ditadbir dengan cukup efisien. Tugas memperkasakan zakat seperti membangunkan bonbon dan saham wakaf, penambahbaikan konsep wakaf, penubuhan pentadbiran wakaf pusat, wakaf dalam pendidikan perlu dilaksanakan dan dihayati agar ia menjadi anjakan paradigma berterusan sekaligus membangunkan taraf hidup masyarakat dan merancakkan lagi ekonomi umat Islam seluruhnya.

Kata Kunci : Wakaf di Malaysia, ekonomi, jaminan sosial

ABSTRACT

“Waqt” is one of the important Islamic finance institution that exists since the ages of Prophet Muhammad SAW. “Waqt” institution is functions as the catalyst to the economy and ummah development. This institution also held as backbone that leading to the success of social warranty system in Malaysia besides “zakat”, “sadaqah” and others. Therefore, it has been our desperate needs to know on how the “waqt” institution in Malaysia works, whether it works alongside the globalisation of the world or drown under. The role of “waqt” is not only as “ibadah” to Allah SWT, but it also have a wide meaning and overwhelm as an agent to the growth of all Muslims. But nowadays, it seems like the “waqt” institution in Malaysia is not well

function, cause by the certain constraints and problems besides the low awareness rate of “waqf” and its edges. So, the Malaysia government must overcome this constraints, increase the “waqf” awareness among citizens and also make a brand new concepts to see the “waqf” institution in Malaysia thrive through around the globe. This is because “waqf” is really has a great potential to the growth of Islamic economy if it well organise. “Waqf” can be empower and commercialize especially by develops a brand new concepts of ‘waqf’ in Malaysia like increase the corporate “waqf” bonds and share unit, multiply “waqf” on education and build a special “waqf” bureau to monitor the running of waqf institution of Malaysia so it can be well functions to the growth and development of all Muslims.

Keywords: Waqf in Malaysia, economy, social warranty

Pendahuluan

Wakaf merupakan apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya (al-Syarbini 1997). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebaikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai usaha pendampingan diri pewakaf kepada Allah s.w.t. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa. Ianya hak milik mutlak Allah S.W.T. (Syahnaz Sulaiman, t.t.).

Wakaf juga merupakan satu amalan sedekah yang merupakan sebahagian daripada amalan soleh yang diamalkan oleh umat Islam seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri. Amalan wakaf sememangnya mempunyai ganjaran besar di sisi Allah s.w.t. Ganjaran yang berterusan dan berlipat kali ganda menanti pewakaf di dunia dan di akhirat. Ini jelas sebagaimana sabda Nabi S.A.W :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ أُنْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ أَشْيَاءِ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَصَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُونَ لَهُ "

Dari Abi Hurairah r.a: Sesungguhnya Rasullullah SAW bersabda: “Apabila mati seorang anak Adam, terputus segala amalannya kecuali tiga benda, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain, dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kepadanya.”

(Riwayat Abu Dawud)

Wakaf merupakan instrumen pembangunan ekonomi umat Islam. Ia merupakan salah satu daripada kontrak *tabarru'at* dalam sistem muamalat Islam. Tujuannya ialah memberikan ruang kepada umat Islam untuk menginfaqkan harta pada jalan kebajikan menuju redha Allah s.w.t. Bahkan, wakaf juga mampu membantu golongan tertentu bagi meningkatkan taraf hidup mereka di samping menjana aset kekayaan umat Islam (Manual Pengurusan Istibdal Wakaf).

Firman Allah SWT :



لَنْ تَنَالُوا الْإِرْحَقَى تُنْفِقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلَيْمٌ

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan. Maka sesungguhnya Allah SWT lebih mengetahuinya."

(Surah Ali Imran 3: 92)

Para ulama juga telah menyatakan bahawa para sahabat r.a telah berijma' dari segi kesahihan wakaf dan kepentingannya, ini dinyatakan oleh pengarang kitab *Al-Mughni* bahawa Jabir r.a telah berkata:

(لَمْ يَكُنْ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذُو مَقْدَرَةٍ إِلَّا وَقَفَ)

"Sekiranya semua sahabat Nabi s.a.w ada kemampuan, (nescaya) pasti mereka akan mewakafkan (sebahagian daripada) harta mereka (pada jalan fi sabillah)."

Ini jelas menunjukkan kesedaran dan tahap sensitiviti yang tinggi dalam diri para sahabat r.a terhadap ibadah wakaf ini. Justeru, untuk memperkasakan institusi wakaf ini dalam pembangunan umat Islam, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih efektif. Manfaat wakaf adalah sangat luas dan amat berfaedah kepada masyarakat. Harta wakaf ini perlu digunakan, diuruskan dan dibangunkan dengan cekap supaya matlamat wakaf yang ditetapkan oleh pewakaf tercapai. Bukan itu sahaja, pihak pengurusan wakaf juga perlu bertanggungjawab dalam memastikan kemaslahatan harta-harta tersebut. Tidak cukup sekadar itu, harta-harta wakaf juga perlu dikekalkan faedah hartanya agar ia berpotensi untuk "hidup". Islam melarang sebarang pembaziran dan tinggalan harta wakaf yang tidak bermanfaat.

Sorotan Kajian Lepas

Wakaf merupakan antara subjek yang lazim disentuh oleh pengkaji dalam melakukan kajian mengenai filantropi Islam. Kajian yang dilakukan dalam pelbagai bentuk merangkum tesis, disertasi, artikel jurnal, buku dan melalui geran-geran projek. Walau bagaimanapun kajian-kajian ini tidak disentuh secara langsung di sini. Sorotan kajian lepas akan dilakukan terhadap beberapa kajian yang menyentuh berkenaan pemerkasaan dan pembangunan wakaf di Malaysia.

Kajian mengenai pemerkasaan dan pembangunan wakaf boleh dibahagikan kepada beberapa aspek. Aspek pertama adalah permasalahan wakaf di Malaysia seperti mana kajian yang dilakukan oleh Rohayu Abdul Majid dan Rosli Said (2014). Kajian ini telah menyenaraikan 4 permasalahan pengurusan harta wakaf iaitu, masalah prosedur dan perundangan, masalah pengurusan dan pentadbiran, masalah pembangunan tanah dan halangan fizikal dan sosial. Mohd Saharudin, Mohd Saifoul dan Jamal (2003) pula menyenaraikan permasalahan wakaf adalah masalah dalam penafsiran penggunaan

wakaf menurut ulama', harta wakaf yang masih banyak belum dimanfaatkan dan dibangunkan di Malaysia dan masalah institusi yang mengawal selia harta wakaf.

Aspek kedua adalah menyentuh amalan wakaf di Malaysia. Antara kajian yang dilakukan adalah kajian perbandingan pengurusan wakaf di Malaysia yang dilakukan oleh Baharuddin Sayin, Asmak Ali dan S. Salahudin Suyurno (2006) dan kajian Abd. Shakor Borham (2011) yang menyentuh Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp).

Manakala aspek ketiga menyentuh cara untuk membangunkan wakaf. Kajian yang tergolong dalam aspek ini antaranya adalah kajian Hydzulkifli dan Asmak (2012) mengenai pengurusan pembangunan wakaf. Kajian yang dilakukan ini lebih bersandarkan kepada pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Kajian mendapati pembangunan wakaf dilakukan dengan membina rumah dan kedai untuk dijual yakni jualan manfaat. Begitu juga kajian Sanep dan Nur Diyana (2011) yang menjelaskan pembangunan wakaf dapat dilakukan dengan memanfaatkan dana kerajaan, contohnya melalui RMK-9 dan RMK-10.

Aspek keempat pula adalah mengenai cadangan pemerkasaan wakaf. Zuraidah, Norhidayah dan Rabitah (2011) mencadangkan 6 cara untuk memperkasakan wakaf antaranya; menjalankan pembangunan wakaf setempat, penyelarasan pengurusan wakaf seluruh Malaysia dan mempertingkatkan sistem informasi dan kelengkapan ICT untuk mengawal selia wakaf. Wan Marhaini (2012) pula mencadangkan supaya aplikasi moden wakaf diperkenalkan seperti saham wakaf, wakaf tunai dan wakaf saham. Cadangan-cadangan yang dikemukakan antara inisiatif untuk memperkasakan wakaf di Malaysia.

Wakaf Di Malaysia

Perkembangan wakaf di seluruh dunia turut mempengaruhi perkembangan wakaf di Malaysia. Ini jelas menunjukkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat Malaysia terhadap ibadah wakaf ini. boleh dilihat dengan meneliti fakta-fakta berikut:

Malaysia sebenarnya memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar. Pembangunan tanah-tanah wakaf ini pastinya akan dapat menjana ekonomi umat Islam. Keluasan tanah wakaf di Malaysia ialah sebanyak 11, 091.82 hektar di mana sebanyak 4, 836.50 adalah tanah wakaf am dan tanah wakaf khas adalah sebanyak 6, 225.32 (Data Tanah Wakaf Terkini). Negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai paling banyak diikuti oleh negeri Terengganu dan Sabah. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengumpulkan data-data jumlah tanah wakaf di Malaysia seperti jadual 1 dan 2 berikut:

Jadual 1: Jenis Tanah Wakaf dan Keluasan di Malaysia

Jenis	Bil	Luas (Hektar)	Nilai (RM)
Wakaf Am	1012	4,836.50	19,282,885.01
Wakaf Khas	3512	6,255.32	80,046,285.68
Jumlah	4524	11,091.82	99,329,170.69

Sumber: JAWHAR

Jadual 2: Statistik Tanah Wakaf Mengikut Negeri

Negeri	Am			Khas			Keseluruhan		
	Bil	Luas (Hektar)	Nilai (RM)	Bil	Luas (Hektar)	Nilai (RM)	Bil	Luas (Hektar)	Nilai (RM)
Johor	0	1,422.80	0	0	1,729.50	0	0	3,152.30	7,000,500.00
Kedah	164	158.62	164.00	1833	1,086.25	1,833.00	1997	1,244.88	1,997.00
Kelantan	77	16.01	5,690,274.00	276	157.63	51,013,099.00	353	173.65	56,703,373.00
Melaka	24	11.65	25.50	41	21.60	41.00	65	33.25	66.50
Negeri Sembilan	10	1.01	10.00	26	14.49	26.00	36	15.50	36.00
Pahang	0	0.00	0	0	723.82	0	0	723.82	18,000,000.00
Perak	383	116.12	383.00	0	0.00	0.00	383	116.12	383.00
Perlis	0	2.74	0	0	14.49	0	0	17.23	1,337,998.00
Pulau Pinang	0	220.03	0	0	559.23	0	0	779.26	850,000,000.00
Sarawak	0	6.86	0	0	4.04	0	0	10.90	1,416,781.90
Sabah	41	2,062.88	41.00	62	32.28	62.00	103	2,095.16	103.00
Selangor	0	235.63	0	0	31.82	0	0	267.45	200,000,000.00
Terengganu	311	581.66	13,591,985.51	1260	1,878.58	29,031,210.68	1571	2,460.24	42,623,196.19
Wilayah Persekutuan	2	0.49	2.00	14	1.59	14.00	16	2.08	16.00

Sumber: Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR)

Selain itu, terdapat banyak pusat pengajian Islam di Malaysia berteraskan wakaf yang terus memberi pendidikan terbaik kepada golongan muda. Antaranya ialah seperti Madrasah Al-Attas di Pekan, Pahang, Maktab Mahmud di Alor Setar, Kedah, Maahad Al-Yahyawiah di Padang Rengas, Perak, Kolej Islam Sultan Alam Shah di Klang, Selangor dan lain-lain (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2010).

Namun, di sebalik data-data di atas, masih banyak masalah yang timbul dalam perkembangan harta wakaf. Jika dilihat kepada sorotan sejarah sistem dan perlaksanaan wakaf di Malaysia, terdapat beberapa isu-isu dan masalah yang sering diperkatakan saban kali apabila menyebut mengenai pembangunan harta wakaf. Antara lainnya ialah:

Pertama: Meskipun negara Malaysia kian membangun dan sedang berkembang pesat seiring dengan era globalisasi dunia, tahap kesedaran dan pengetahuan (*marhalah al-Thaqafah*) masyarakat tentang wakaf dan kepentingannya masih lagi kurang. Seruan kepada wakaf ini juga pernah dissentuh oleh cendiakawan agung Melayu, Prof Diraja Ungku Aziz, beliau menyatakan,

“Kalaularah semua umat Islam menyimpan seringgit seorang sebulan (untuk tujuan wakaf), dan bayangkan jika umat Islam berjumlah enam juta orang, maka modal terkumpul sebulan (bagi umat Islam) ialah sebanyak enam juta ringgit.”

Akan tetapi, program wakaf ini sepertimana yang pernah cuba dilaksanakan pihak bank (Mohd Nazri Chik, t.t.) ternyata masih gagal mendapat sambutan masyarakat. Persepsi masyarakat terhadap beberapa aspek dalam ibadah seperti wakaf masih lagi cetek dan ia

belum lagi menjadi isu yang sensitif seperti ibadah umrah, korban yang acap kali disentuh dan diperbincangkan kelebihan-kelebihannya saban kali dalam sesi-sesi kuliah dan pengajian.

Kedua: Masalah perundangan iaitu ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri-negeri yang mewujudkan perbezaan dalam pemahaman, tafsiran, tatacara pengeluaran fatwa dan hukum. Ini berpunca daripada kedudukan harta wakaf sepetimana perkara-perkara agama lain terletak di bawah bidangkuasa negeri (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2 (1)) dan tiada enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri kecuali Selangor (Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 7/1999). Jadi, enakmen dan akta tentang wakaf kelihatan sempit dan tidak fleksibel (mudah ubah). Isu kritikal berkaitan wakaf sebenarnya bertitik tolak dari polisi kerajaan dan perlembagaan Malaysia itu sendiri yang telah menjurangkan pengurusan wakaf kepada institusi agama negeri-negeri (Ahmad Ibrahim, 1999).

Ketiga: Kebanyakkan harta wakaf terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai pembangunan. Manakala, tanah wakaf di kawasan pedalaman pula tidak dapat digunakan oleh kerana tiada keperluan dan tiada nilai komersial selain jauh untuk pembangunan (Zulkifli Hasan & Muhammad Najib Abdullah, 2008).

Keempat: Tanah-tanah wakaf turut diceroboh dan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan dibina penempatan dan premis-premis perniagaan. Adapun bagi premis perniagaan yang berada di atas tanah wakaf, tarif sewa yang dikenakan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terhadap peniaga adalah sangat rendah daripada harga semasa. Ini menyebabkan institusi agama negeri-negeri tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk digunakan bagi menyalurkan bantuan.

Kelima: Masih terdapat waris-waris yang belum mendaftarkan tanah-tanah wakaf di pejabat agama negeri. Ini menyebabkan ketiadaan rekod yang menyebabkan kawasan wakaf tidak boleh dibangunkan.

Keenam: Perkembangan dan pembangunan aplikasi wakaf dalam konteks kewangan masih belum lagi dapat dilaksanakan secara komersial sepenuhnya di institusi kewangan seperti di bank-bank memandangkan ia memerlukan sokongan wakaf daripada orang ramai. Konsep dan produk berdasarkan wakaf sebenarnya boleh dibangunkan dalam bentuk kewangan serta boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak. Pada masa kini, institusi kewangan seperti bank-bank sedang berusaha untuk membangunkan wakaf secara lebih meluas seperti saham (unit) dan bon-bon wakaf (Nik Mustapha N. H., 1998) sesuai dengan status Malaysia sebagai *hub perbankan Islam Antarabangsa*.

Ketujuh: Tiada lagi satu bentuk pentadbiran wakaf yang menjadi “ibu” bagi semua operasi wakaf negeri. Perbadanan wakaf berpusat dan jawatankuasa khusus wakaf perlu untuk menjamin kelancaran dan kelincinan perlaksanaan operasi wakaf di Malaysia. Perbadanan wakaf berpusat ini juga perlu bertanggungjawab mengawal selia semua operasi wakaf negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Namun begitu, meskipun pengurusan dan perlaksanaan wakaf di Malaysia menghadapi banyak masalah yang mampu mengganggu gugat, namun Malaysia masih mampu mencari jalan keluar dari masalah yang menghimpit bagi membangunkan harta wakaf agar tidak terbiar begitu sahaja.

Pemerkasaan Wakaf Di Malaysia

Wakaf sememangnya amat penting dalam muamalah sehari-hari umat Islam. Wakaf yang dahulunya dianggap sebagai ibadah sampingan yang terpencil semata-mata, kini telah berkembang pesat di seluruh dunia. Negara-negara luar seperti Amerika dan England sebenarnya telah lama mencedok idea sistem muamalah wakaf ini (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2010). Jadi, Malaysia yang dikenali sebagai hub perbankan Islam tidak sewajarnya tercicir dari negara Barat yang lain. Antara cadangan untuk pemerkasaan industri wakaf di Malaysia ialah :

Pertama: Langkah pertama yang perlu diatur ialah dengan menambahkan lagi kesedaran masyarakat terhadap wakaf. Para ustaz, pensyarah dan guru agama di pusat pengajian agama contohnya, perlu merombak *syllabus* pengajian dan kuliah-kuliah di masjid-masjid dan surau-surau. Mereka perlu sering mengetengahkan dan menerapkan *mawdu'-mawdu'* (tajuk) berkaitan dengan wakaf dalam setiap pengajian mereka (*majal al-ta'lim*) agar dapat memberi maklumat berterusan terhadap kepentingan ibadah wakaf kepada umat Islam. Hal ini kerana, untuk membentuk kesedaran tinggi masyarakat terhadap wakaf, ia memerlukan usaha dan kerjasama yang berterusan dari pelbagai pihak.

Bahkan, kesedaran masyarakat kini tentang kepentingan dan kelebihan ibadah sunat lain seperti umrah dan korban sehingga mereka berlumba-lumba mengerjakannya juga hasil daripada penerapan dan penekanan yang dilakukan para ilmuwan terdahulu. Jadi, kaedah dan metode yang sama juga perlu dilakukan untuk menarik masyarakat agar cenderung kepada ibadah wakaf.

Sebenarnya, sejak 55 tahun yang lalu sebelum merdeka sehingga kini, konsep wakaf telah berkembang dan diterima pakai oleh orang ramai termasuk oleh golongan non muslim untuk pelbagai tujuan, misalnya penerimaan konsep wakaf untuk tujuan pendidikan dan korporat. Tuntutan dan kesedaran masyarakat terhadap wakaf sebenarnya semakin meningkat dari tahun ke tahun, namun akibat dominasi statut parlimen kerajaan Malaysia, ia sedikit sebanyak telah memperlahan dan mengekang kerancakan dan perkembangan wakaf di Malaysia.

Kedua: Pentadbiran adalah perkara tunjang dalam memastikan kejayaan sesuatu rancangan. Dari segi pentadbiran, wakaf perlu diperbangun dan diperkembangkan lagi akan segala fungsi, produk dan kepentingannya dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam. Pengurusan dan perlaksanaan wakaf di Malaysia juga harus cekap dan telus dalam menjamin kejayaan untuk memartabatkan peranan maksimum wakaf dalam kehidupan negara umat Islam seluruhnya.

Kini, dengan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri pada 27 Mac 2004 lalu bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri melaksanakan pembangunan harta wakaf adalah bagus. Majlis Agama Islam

Negeri (MAIN) masih tetap bertindak selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di setiap negeri sambil dibantu oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Semua projek pembangunan tanah wakaf perlu mendapat persetujuan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) terlebih dahulu. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) juga bertindak sebagai penyelaras dan mempertemukan antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan pihak yang berhasrat memajukan tanah wakaf. Keputusannya, hasil kerjasama antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), sebahagian daripada 11,019.82 hektar tanah wakaf iaitu 4,836.5 hektar tanah wakaf am dan 6,255.55 hektar tanah wakaf khas sudah dibangunkan pada tahun 2012 (Berita Harian, 2012).

Jadi, kerjasama antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) cuma perlu diperkemas dan diperhebat lagi. Kedua-dua pihak juga mesti “*turun padang*” melancarkan kempen-kempen, kursus-kursus kesedaran kepada seluruh anggota masyarakat tentang wakaf, membentuk jawatankuasa khas wakaf, dan mencari dana wakaf melalui syarikat-syarikat besar yang berminat untuk membangunkan harta wakaf di Malaysia. Selain itu usaha untuk menyelaraskan pengurusan wakaf di seluruh negeri di Malaysia juga perlu dilakukan, ia dilihat mampu untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan harta wakaf di Malaysia (Zuraidah et al. 2011).

Ketiga: Sebenarnya, sebelum tahun 1952, tiada satu undang-undang bertulis yang diguna pakai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk pelaksanaan pengurusan harta wakaf. Kebanyakan wakaf dulu diserahkan kepada mereka yang berpengaruh di dalam masyarakat seperti imam masjid, nazir masjid dan ketua kampung. Proses penyerahan harta wakaf adalah atas dasar percaya mempercayai dan amanah. Pewakaf akan mengamanahkan harta yang diwakafkan kepada mereka yang berpengaruh dalam masyarakat untuk menguruskan harta wakaf tersebut.

Selepas tahun 1952, barulah pengurusan wakaf menjadi sistematik kerana mempunyai sandaran undang-undang yang digariskan di dalam enakmen sebagaimana yang dinyatakan di dalam enakmen pentadbiran Islam negeri masing-masing (Mohd Afandi M. R., 2008). Namun begitu, perundangan berkaitan hal ehwal wakaf masih perlu diselaraskan bagi setiap negeri yang kelihatan berbeza-beza fatwa dalam hal ehwal wakaf bagi setiap negeri. Justeru, perlu diwujudkan satu kaedah dan fatwa khas berkaitan wakaf di peringkat nasional agar ia tidak mengelirukan orang ramai yang berminat untuk berwakaf.

Keempat: Kalau dilihat akan tahap perkembangan wakaf di Malaysia, dahulunya ia hanya dianggap sebagai ibadah semata-mata, namun dari sudut perspektif institusi kewangan Islam, apabila jawatankuasa penasihat syariah membuat penilaian terhadap produk-produk aplikasi wakaf, dilihat produk-produk aplikasi wakaf ini mampu menyerap segala elemen muamalah dan fahaman dangkal bahawa aplikasi wakaf akan menyebabkan penyusutan dan kejatuhan ekonomi.

Jadi, dengan memperkenalkan konsep baru dan penampaikan konsep dalam wakaf, ia membuka peluang yang lebih luas kepada institusi kewangan di Malaysia. Bentuk-bentuk pelaburan wakaf yang boleh diusahakan dan dibangunkan institusi kewangan di Malaysia adalah banyak. Hal ini seperti melakukan penambahbaikan terhadap harta

wakaf yang terbiar atau kurang berkembang, menggabungkan harta wakaf yang sedia ada untuk menjana hasil yang sama atau lebih, memberi pinjaman untuk keperluan operasi wakaf dan kos untuk meningkatkan fungsi harta wakaf serta memajakkan harta wakaf.

Secara umumnya, banyak bentuk pelaburan wakaf yang boleh dilakukan, dan ia memerlukan penambahbaikan konsep. Dengan cara ini, akhirnya kita boleh melihat peranan wakaf dalam meningkatkan fungsi harta secara maksimum sesuai dengan niat murni orang yang telah mewakafkan harta untuk kemaslahatan ummah sejagat. Hasilnya, pasti akan melahirkan pelbagai produk-produk wakaf lain seperti aset-aset, bon-bon dan saham-saham korporat wakaf yang berpotensi untuk pasaran.

Kelima: Akta dan enakmen wakaf yang diwujudkan perlu lebih terbuka dan dapat dirombak pada bila-bila masa sesuai dengan perkembangan semasa dan mengikut keperluan dan kepentingannya. Di samping itu, majlis agama Islam negeri (MAIN) juga perlu memudahkan proses berhubung dengan harta wakaf agar semua orang tertarik untuk melaksanakan ibadah wakaf meskipun ia berkaitan dengan harta benda, yang sedia maklum agak banyak urusan dan proses dokumentasinya (Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Kanun Tanah Negara). Contohnya seperti di negeri Kelantan sendiri, terdapat banyak harta-harta wakaf yang seakan “beku”, dibiarkan dan tidak bernilai ekonomi. Ianya juga tidak dapat digunakan untuk pembangunan oleh kerana ketiadaan akta dan undang-undang yang fleksibel tentang harta wakaf.

Jadi, fatwa berkenaan kaedah istibdal dalam menangani harta wakaf yang tidak berkembang diwujudkan agar harta wakaf dapat dikembangkan untuk kegunaan lain. Undang-undang berkaitan proses mewakafkan tanah oleh kerajaan Persekutuan juga perlu dikaji semula agar segala proses pewakafan hak milik harta wakaf menjadi lebih mudah dan cekap (Muhammad Shukri Mohamad, 2012).

Keenam: Oleh kerana terdapat banyak situasi di mana harta wakaf tidak dapat dibangunkan kerana permasalahan seperti kedudukan yang kurang strategik, penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya, amalan konsep istibdal adalah jalan keluar terbaik untuk membangunkan semula harta wakaf berkenaan.

Konsep dan perlaksanaan istibdal ini sebenarnya telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 1982. Namun begitu, setelah sekian lama, pembangunan harta wakaf dan perkembangannya di Malaysia masih lagi kurang maju jika dibandingkan dengan negara Timur Tengah seperti Mesir, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu dan Turki (Syahnaz Binti Sulaiman, t.t.).

Konsep dan perlaksanaan istibdal ini seharusnya perlu lebih efisien. Antara agenda pembangunan yang boleh diketengahkan melalui kaedah ini ialah seperti mendirikan institusi masjid, institusi pendidikan, pusat tanggungjawab sosial (rumah anak yatim), penternakan, pertanian, pusat khidmat komuniti dan pusat perniagaan. Cara ini sekaligus boleh meningkatkan pendapatan dan ekonomi umat Islam dengan pulangan keuntungan dan peluang pekerjaan yang tersedia dengan pembangunan harta wakaf ini.

Ketujuh: Penggunaan khidmat Nazir Khas Dilantik (*mutawalli*) oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam perihal harta wakaf juga perlu diwujudkan.. Nazir yang dilantik khas ini perlu dari kalangan orang dalam kalangan satu-satu kawasan kariah

dan daerah agar beliau senang dirujuk jika berlaku masalah dan urusan wakaf. Nazir ini akan berkuasa dan dapat mengatasi (mengubah) niat (*shighah asal*) yang telah ditulis orang yang ingin mewakafkan sesuatu harta. Nazir ini bertanggungjawab dan berhak mengkaji dan memutuskan manfaat yang terbaik bagi pembangunan harta wakaf meskipun ia berlawanan dengan niat asal orang yang ingin mewakafkan harta. Nazir ini juga yang akan berurusan lebih lanjut dengan pihak Majlis Agama Negeri (MAIN). Dengan cara ini, harta wakaf akan kekal membangun dan boleh memberi manfaat untuk kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Ini sekaligus dapat memberi limpahan pahala kepada dermawan yang telah mewakafkan harta.

Kelapan: Selain itu, pembangunan harta wakaf juga boleh dilaksanakan dengan lebih efisien dengan penggunaan sistem maklumat tanah berasaskan GIS. Pengenalan Sistem Maklumat Wakaf Berasaskan Sistem Maklumat Geografi (GISWAQF) yang mengambil manfaat daripada Geographic Information System (GIS) sebagaimana dicadangkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Pusat Kajian Harta Tanah (CRES), Universiti Teknologi Malaysia adalah baik. Usaha ini adalah untuk membolehkan tanah-tanah wakaf dapat diuruskan dengan lebih efisien dan teratur oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan. Hal ini seterusnya akan memperlihatkan penglibatan tanah wakaf dalam pembangunan dan perancangan dan pembangunan negeri, wilayah dan kerajaan tempatan (Mohd Nazri Chik, t.t.).

Kesembilan: Konsep amanah (*trust*) yang diperkenalkan dalam aplikasi wakaf, contohnya seperti amalan wakaf dalam institusi kewangan semasa, perlu turut diserapkan sekali dengan amanah (*trust*) dalam perlaksanaan wakaf. Hal ini bukan disebabkan untuk mengikut rentak suasana rangka kerja ekonomi semasa yang mengikut cara Barat. Akan tetapi, ini dilakukan sebagai rancangan dan persediaan awal agar dapat mencari jalan keluar paling strategik daripada masalah mendatang. Sehubungan dengan itu, institusi *baitulmal* juga boleh memainkan peranan dan bergandingan dalam membentuk konsep *trust* dan wakaf dalam hal ini.

Sekiranya dilihat keboleh terimaan konsep amanah dalam perlaksanaan wakaf, maka benda-benda ini akan dititik beratkan, iaitu hak kepentingan pemegang saham (*stake holders*) akan dipelihara. Pengurusan juga akan dilantik dan diselia oleh pemegang saham sekiranya ada bentuk-bentuk saham yang diwakafkan serta pemantauan yang telus secara “*check and balance*” berdasarkan pemantauan berkala secara audit (Mohd Daud Bakar, 1999).

Sehubungan dengan itu, apabila konsep amanah (*trust*) ini diterima pakai dalam operasi dan pentadbiran wakaf, maka di dalam amanah (*trust*), perlu digunakan “*trust deed*”, iaitu manfaat kepada penerima hak / benefisian sebagai *instrumen*. Kepentingan “*trust deed*” ini akan memberikan lebih keinginan dan keyakinan kepada selain umat Islam di Malaysia untuk bergiat dengan harta wakaf. Ia juga dapat menarik minat dan memperbanyak lagi pelaburan-pelaburan, wang tunai, stok, dan instrumen kewangan bernilai seperti tanah dan lain-lain. Di samping itu, ia juga mengandungi perlindungan daripada pemutang ke atas harta amanah. Dengan cara ini, pemutang tidak boleh membuat tuntutan terus terhadap harta zakat dan wakaf, tetapi hanya boleh membuat tuntutan ke atas keuntungan hasil pelaburan yang diperolehi dari harta amanah tersebut.

Kesepuluh: Wakaf juga boleh dibangunkan bersama elemen Islam lain seperti zakat untuk tujuan manfaat seperti untuk program pendidikan. Negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Great Britain sudah mula menjalankan dan membangunkan serta memaksimumkan aplikasi wakaf dalam urusan muamalah sehari-hari mereka. Ternyata, ia dapat memberi keuntungan dan kemudahan terbaik dalam segenap lapangan untuk kesejahteraan hidup rakyatnya (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2010).

Wakaf pendidikan yang dilaksanakan oleh negara lain sudah pun membawa hasil dengan lahir dan berkembangnya pusat pengajian ulung seperti universiti Oxford, universiti al-Azhar al-Syarif, al-Jamiah al-Islamiyyah di Madinah, universiti Cordoba di Andalus dan sebagainya (Center for Social Philanthropy, 2010). Universiti-universiti ini kesemuanya terus maju dengan hasil dan sumbangan wakaf. Universiti al-Azhar sebagai contoh telah membangun dan berkembang hasil sumbangan harta wakaf. Sehingga kini, pembiayaan universiti al-Azhar yang dibina sejak 1000 tahun dahulu telah memberi khidmat pengajian percuma kepada pelajar Islam di seluruh dunia.

Mengambil manfaat daripada negara lain, kini, Malaysia telah menubuhkan Universiti Islam Malaysia (UIM) yang berteraskan wakaf selain sekolah-sekolah agama yang telah sedia ada. Wakaf pendidikan yang besar seperti pusat pengajian tinggi ini perlu diperbanyak dan diperhebatkan lagi. Hal ini kerana ia cukup berpotensi untuk memperkasakan lagi sektor ketiga ekonomi Islam, memperkasakan aktiviti ekonomi melalui pelbagai projek pembangunan, pelaburan dan perniagaan, dan seterusnya dapat menjadi pelengkap kepada skim bantuan dan kebajikan pelajaran oleh kerajaan serta akhirnya menyatupadukan rakyat berbilang bangsa atas dasar wakaf pendidikan nasional (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2010).

Kesimpulan

Di Malaysia didapati masih banyak harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, akan tetapi sehingga kini masih belum dimajukan sewajarnya. Malahan, banyak harta wakaf yang tidak ada rekod dan maklumat sistematik (Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman dan Asiah Othman, 2006). Hal ini tidak sewajarnya berlaku. Oleh itu, penubuhan pemasutan institusi wakaf dan penambahbaikan konsep wakaf perlu dilaksanakan. Tanpa pendekatan ini, institusi wakaf tidak mungkin berkembang maju dan dapat dikendalikan secara tersusun dan menyeluruh. Pentadbiran dan pelaksanaan institusi dan produk wakaf memerlukan perubahan yang drastik untuk ia berperanan secara lebih efektif dan perkasa.

Institusi wakaf perlulah stabil, lestari dan fleksibel dalam menghadapi apa jua kemungkinan dan halangan yang ada serta tidak terbantut dalam apa-apa noktah. Perlu diingati bahawa wakaf merupakan aset tetap dan penting bagi umat Islam. Ia merupakan satu aset harta yang tidak mudah dimanipulasi dan dibinasakan berbanding sistem-sistem kehartaan lain (Andrew. W, 2006). Oleh itu, dengan cadangan pemerkasaan ini, adalah lebih menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha meletakkan kembali wakaf ke taraf yang sebenar dan menjadikannya satu ibadah yang disegani dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Rujukan

Abd, S. B, (2011), "Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation

- Berhad (JCorp)," Kertas kerja International Conference on Humanities. al-Sajistani, Abu Dawud (t.t.), *Sunan Abi Dawud*, Riyad: Bait al-Afkar al-Dauliyah lil Nashar wa al- Tauzi'
- al-Syarbini, Muhammad Ibn al-Khatib (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al- Minhaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Andrew, W. (2006), The Role of The Islamic Waqf in Strengthening South Asian Civil Society: Pakistan as Case Study, *International Journal Of Civil Society Law*, Vol. 4, No. 2.
- Baharuddin., S, Asmak, A., dan S, S, (2006), "Kajian Perbandingan Pengurusan Wakaf di Malaysia: Kajian Kes Di Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu Dan Perbadanan Wakaf Malaysia" Laporan Projek Penyelidikan, Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan.
- Center for Social Philanthropy (2010), *Educational Endowments and The Financial Crisis: Social Costs and Systematic Risks in The Shadow Banking System*, Boston: Tellus Institute.
- Haydzulkifli, H. dan Asmak, A. R, (2012), "Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah," *International Journal of Molecular Science* Vol. 19, No.2.
- Mohd, N. C. (t.t.), *Wakaf Dan Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Manual Pengurusan Istibdal Wakaf* (2010), Kuala Lumpur: Jabatan Awqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- Megat, M. G. M. A. R. dan Asiah Othman (2006), "Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Stategi", (*Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*, Anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur, pada 12-14 September 2006).
- Mohd, A. M. R. (2008), *Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak berkuasa Negeri: Analisis Menurut Hukum Syarak dan Aplikasinya di Malaysia*, (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Malaya.
- Mohd, D. B. (1999), "Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan", dalam Nik Mustapha Nik Hassan et. (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd, S. S., Mohd, S. Z. N., dan Jamal, A, (2003), "Tinjauan Isu-Isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia," *Jurnal Syariah* Vol. 11, No. 2.
- Mohd, Z. O. (1998), "Wakaf Dari Perspektif Undang-undang Islam, Amalan dan Permasalahannya di Malaysia", dalam Ahmad Ibrahim et al. (ed), *Undang-undang Keluarga dan Harta Wakaf, Al-Ahkam*, cet.1. Vol. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha N. H. (1998), "Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi", dalam Nik Mustapha Nik Hassan et. (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Rohayu, A. M. dan Rosli, S. (2014), "Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf di Malaysia," *International Surveying Research Journal (ISRJ)* Vol. 4, No. 1.
- Syed, M. G. W. S. A. W. (2010), "Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia". Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.
- Wan, M. W. A, (2012), "Wakaf dan Kepentingannya di Sisi Umat Islam," dalam *Al-*

- Muamalat 7* (Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad).
- Zulkifli, H., dan Muhammad, N. A. (2008), “*The Investment of Waqf Land as a Instrument of Muslims’ Economic Development in Malaysia*”. Kertas kerja ini dibentangkan di Dubai International Conference on Endowments’ Investment, Dubai.
- Zuraidah, M. I., Norhidayah, A. dan Rabitah, H, (2011), “A Comparative Study of Waqf Management in Malaysia,” *IPEDR* Vol. 10.

Statut

Akta Kerajaan Tempatan 1960 (Akta 171), Seksyen.134
Akta Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56), Seksyen.196 (1) (a)

Internet

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) <http://202.75.4.234/spmwj/>, akses pada 12 Jun 2013.